

KOSMO  
14 OGOS 2008 (KHAMIS)

# Punca duit PTPTN dipotong luar biasa

PUTRAJAYA - Punca potongan luar biasa pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pelajar Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskill adalah kerana pelarasan kutipan yuran kos insurans PTPTN tertunggak yang tidak dikutip sejak tahun lalu.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mohamed Khaled Nordin berkata, masalah itu menyebabkan ada pelajar terpaksa

dipotong setinggi RM1,296.

Bagaimanapun, menurutnya, pelajar yang terjejas akibat potongan luar biasa PTPTN boleh membuat tuntutan balik mulai sekarang.

“Tapi bayaran balik itu hanya akan diberikan dalam bentuk penambahan hutang yang diambil para pelajar itu, bukan pemberian semula wang tunai,” ujarnya di sini semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan

*Kosmo!* semalam mengenai tindakan 1,000 pelajar Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskill memprotes tidak berpuas hati dengan potongan luar biasa terhadap pinjaman PTPTN yang diterima baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pengawai Eksekutif PTPTN, Yunus Abadul Ghani menyatakan punca kelewatan penyelarasan insurans PTPTN itu ekoran pertukaran kadar baru bagi premium.